Perabot Ekonomi (M) Sdn Bhd v Dreamland Corp (M) Sdn Bhd

HIGH COURT (KUALA LUMPUR) — CIVIL SUIT NO S5–22–505 OF 1998
TEE AH SING J
26 FEBRUARY 2008

Contract — Agency — Termination — Allegation of onerous and unreasonable terms — Whether terms agreed upon — Whether existence of sole agency proved

The plaintiff, a furniture dealer alleged that it had been appointed by the defendants as a sole agent for the defendant's product in the district of Kluang. It was the plaintiff's case that the defendant's subsequent onerous and unreasonable terms could not be complied by the plaintiff as the terms tantamount to the termination of the plaintiff's agency and caused damages to the plaintiff. The plaintiff therefore claimed for damages, losses and costs against the defendant. On the other hand the defendant contended that the plaintiff was only appointed as a dealer and not the sole agent of the defendant.

Held, dismissing the plaintiff's claim with costs and allowing the defendant's counterclaim with costs:

(1) From the evidence it was clear that the defendant conducted its business through a network of dealers appointed in most of the districts in Malaysia and thus the plaintiff was never appointed as an agent of the defendant but only as a dealer. Further, the fact that the defendant paid for the costs of signboards, banners, panels and leaflets did not support the contention that the plaintiff was appointed as an agent or sole agent of the defendant as it was the practice of the defendant to defray the costs for its dealers (see paras 20, 22 & 30).

(2) The defendant also had enforced a system of credit limits, which is automatically imposed on all new dealers in respect of the goods sold and supplied to its dealers to protect its interest. Based on the evidence, the plaintiff had agreed to the terms and conditions with regards to the credit limit. Further, the existence of the credit application form had never been doubted, denied or challenged during the discovery of

documents stage. It was also established that the defendant had delivered the goods only after the receipt of the credit application form (see paras 34, 36, 42 & 49).

(3) The plaintiff had not adduced any documentary evidence to show that the plaintiff had protested to the defendant that the goods delivered were not of merchantable quality, defective, was not fit for the purpose for which it was meant for and was not according to specification. The defendant had thus proved its counterclaim against the plaintiff. (see para 67).

[Bahasa Malaysia summary

Plaintif, peniaga perabot, mendakwa telah dilantik oleh defendan sebagai agen tunggal produk defendan di daerah Kluang. Ia adalah kes plantif bahawa, terma-terma defendan yang kemudian yang membebankan dan tidak munasabah tidak boleh dipatuhi oleh plaintif kerana terma-terma tersebut membawa kepada penamatan agensi plaintif dan menyebabkan kerugian kepada plaintif. Plaintif oleh itu menuntut ganti rugi dan kos terhadap defendan. Sebaliknya defendan menyatakan bahawa plaintif hanya dilantik sebagai wakil jual dan bukannya sebagai agen tunggal defendan.

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dengan kos dan membenarkan tuntutan balas defendan dengan kos:

(1) Daripada keterangan adalah jelas bahawa defendan menjalankan perniagaannya melalui rangkaian wakil-wakil jualnya yang dilantik di kebanyakan daerah-daerah di Malaysia dan oleh itu plaintif tidak pernah dilantik sebagai agen defendan tetapi hanya sebagai wakil jual. Selanjutnya, fakta bahawa defendan membayar kos untuk papan-papan tanda, sepanduk, panel-panel dan risalah-risalah tidak menyokong hujahan bahawa plaintif dilantik sebagai agen atau agen tunggal defendan kerana ia adalah amalan biasa defendan untuk membiayai perbelanjaan tersebut untuk wakil jualnya (lihat perenggan 20, 22 & 30).

(2) Defendan juga telah melaksanakan satu sistem had kredit, yang dikenakan secara automatik terhadap kesemua wakil jual barunya berkaitan dengan barangan yang dijual dan dibekalkan kepada peniaga-peniaganya untuk melindungi kepentingannya. Berdasarkan kepada keterangan, plaintif telah bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan had kredit. Selanjutnya, kewujudan borang permohonan kredit tidak pernah diragui, dinafikan atau dicabar di peringkat penzahiran dokumen. Ia juga telah dibuktikan bahawa

defendan telah menghantar serah barangan hanya selepas menerima borang permohonan kredit (lihat perenggan 34, 36, 42 & 49).

(3) Plaintif tidak mengemukakan sebarang keterangan dokumentar untuk menunjukkan bahawa plaintif membuat bantahan kepada defendan bahawa barangan yang dihantar serah tidak mempunyai kualiti boleh niaga, rosak atau tidak menepati tujuan yang diniatkan dan tidak menurut spesifikasi. Defendan oleh itu telah membuktikan tuntutan balasnya terhadap plaintif (lihat perenggan 67).]

Notes

For a case on termination under agency, see 3(2) Mallal's Digest (4th Ed, 2006 Reissue) para 2416.

Cases referred to

Sony Electronics (M) Sdn Bhd v Direct Interest Sdn Bhd [2007] 2 MLJ 229; [2007] 1 CLJ 611, CA (refd)

Tan Sri Khoo Teck Puat & Anor v Plenitude Holdings Sdn Bhd [1994] 3 MLJ 777, FC (refd)

Wong Hon Leong David v Noorazaman bin Adnan [1995] 3 MLJ 283, CA (refd)

Balasekaran (Bala & Co) for the plaintiff.
Sukhdev Singh (Azlan Shah Sukhdev & Co) for the defendant.

Tee Ah Sing J:

[1] At the commencement of the trial, the ikatan pliding was marked as encl 74, *ikatan dokumen yang dipersetujui — bahagian 2* pp 1–404 was marked as encl 76. The contents of documents in *bahagian 2* are disputed. *Fakta-fakta yang dipersetujui* was marked as encl 70. And *isu-isu untuk dibicarakan* was marked as encl 69.

[2] Subsequently *ikatan dokumen yang tidak dipersetujui* was marked as *ikatan dokumen yang dipersetujui — bahagian B kewujudan dokumen-dokumen dipersetujui tetapi kandungannya perlu dibuktikan* was marked as encl 79.

[3] The case for the plaintiff is as follows:

Tham Kok Leong (SP1) dalam keterangannya telah berkata syarikat plaintif telah ditubuhkan pada 19 Disember 1994. Objektif syarikat plaintif ialah menjual perabut. Syarikat plaintif mula beroperasi mulai 12 April 1998. Syarikat plaintif beroperasi di No 260, 262 dan 264 Jalan Lambak, Kluang, Johor. Ada tiga orang pengarah di syarikat plaintif iaitu Tham Kok Gon, Tham Kok Weng dan beliau.

SP1 berkata seorang pengurus defendan yang bernama Chew Pek Lam datang berjumpa dengan beliau dan Tham Kok Weng yang mereka ingin melantik mereka sebagai agen atau agen tunggal defendan.

Syarikat defendan telah memberikan mereka papan tanda dan juga panel-panel digantung pada tiang lampu. Muka surat 374 hingga ms 376 lampiran 76 adalah gambar-gambar yang menunjukkan papan-papan tanda dan panel-panel.

Selain itu pengurus besar syarikat defendan telah menghadiri upacara pembukaan syarikat plaintif pada 12 April 1998. Muka surat 377 lampiran 76 ialah gambar yang menunjukkan pengurus besar defendan memotong riben pada hari tersebut.

Syarikat plaintif yang menempah papan-papan tanda juga panel-panel berkenaan dengan promosi pembukaan syarikat plaintif atas persetujuan kedua-dua pihak dan perbelanjaan penempahan papan tanda dan panel-panel itu ditanggung oleh defendan. Muka surat 294 hingga 295 lampiran 76 ialah invois-invois tempahan papan tanda dan panel-panel. Beliau ada mengundang orang ramai pada majlis perasmian syarikat plaintif.

Defendan telah menjual dan menghantar serah barangan defendan kepada plaintif sebanyak 3 kali iaitu pada 3 April 1998, 6 April 1998 dan 10 April 1998. Jumlah harga barangan yang telah dihantar serah kepada plaintif ialah RM48,805.50.

Muka surat 383 hingga 390 lampiran 76 ialah invois-invois barangan defendan yang dihantar kepada plaintif. Defendan telah memungkiri perjanjian agensi atau agensi tunggal antara plaintif dan defendan apabila defendan tidak lagi menghantar barangan lagi kepada plaintif selepas menghantar barangan yang berjumlah RM48,805.50. Selepas 3 hantaran itu defendan telah menetapkan syarat-syarat yang mereka hanya akan memberi had kredit sebanyak RM20,000. Dan juga pengarah-pengarah syarikat plaintif dikehendaki memberi gerenti. Mereka (plaintif) tidak berpuas hati dengan syarat-syarat itu.

Defendan telah berhenti membekal barangan kepada plaintif kerana defendan harus memberi syarat-syarat itu, sebelum plaintif dilantik sebagai agen dan bukan selepas. Muka surat 329 dan 330 lampiran 76 adalah letter of guarantee. Pengarah-pengarah plaintif tidak menandatangani letter of guarantee ini.

Kerugian yang plaintif alami akibat daripada kemungkiran yang dilakukan oleh pihak defendan reputasi syarikat plaintif tercemar kerana plaintif ialah agen defendan tetapi tidak dapat menjual barangan defendan kerana defendan tidak lagi membekalkan barangan kepada plaintif.

Dalam soalan balas SP1 telah disoal seperti berikut:

S: Tadi kamu ada dalam jawapan kamu merujuk kepada agen atau agen tunggal Defendan. Yang mana satu benar?

J: (Saksi ambil masa) Agen tunggal.

S: Saya cadangkan kepada kamu bahawa defendan hanya mengamalkan system lantikan wakil jual (dealer) bagi seluruh Malaysia dan bukan agen tunggal, bersetuju atau tidak?

J: Saya tidak bersetuju.

S: Saya cadangkan kepada awak bahawa senarai wakil jual (dealers) defendan bagi seluruh Malaysia adalah seperti pada ms 1 hingga 112 Bahagian II Lampiran 76, bersetuju atau tidak bersetuju? A

J: Saya tak pernah tengok dokumen ini.

Beliau, bersetuju dengan cadangan pada sekitaran tahun 1994 hingga 1997 dari masa ke semasa plaintif, adik beliau bersama Tham Kok Gan dan Syarikat Kluang Dobule Deluxe ada menempah barang daripada defendan. B

Beliau bersetuju dengan cadangan bahawa pada sekitaran awal tahun 1998 plaintif telah mengadakan beberapa siri perbincangan mengenai perniagaan hantar serah barangan di antara plaintif dan defendan. C

Beliau tidak bersetuju bahawa beberapa siri perbincangan tersebut merangkumi beberapa perkara, pertama bahawa plaintif boleh memesan barangan defendan. Kedua bahawa defendan adalah berhak untuk menetapkan tahap kredit berhubung dengan barangan yang dipesan oleh plaintif. Ketiga plaintif hendaklah mengisikan dan kemukakan borang permohonan tahap kredit kepada defendan, keempat plaintif bersetuju terima syarat-syarat perniagaan yang ditetapkan oleh defendan dan kelima defendan berhak untuk menetapkan sebarang syarat lain berhubung dengan pembekalan barangannya kepada plaintif. D

Beliau bersetuju dengan cadangan bahawa tiada sebarang dokumen yang menunjukkan lantikan plaintif sebagai agen tunggal defendan seperti yang didakwa oleh plaintif. E

Berkenaan ms 327 dan 328 lampiran 76 beliau tidak tahu tandatangan di bawah cop Perabot Ekonomi (M) Sdn Bhd tandatangan siapa. Beliau tidak bersetuju bahawa ms 327 dan 328 lampiran 76 merupakan dokumen borang permohonan had kredit yang dikemukakan oleh plaintif kepada defendan. Beliau tidak bersetuju kerana plaintif tidak memohon had kredit. F

Beliau sahkan bahawa plaintif telah menerima barang-barang bernilai RM48,805.50 dalam keadaan baik. Beliau bersetuju ketika beliau menerima barangan itu daripada defendan barangan itu dalam keadaan boleh niaga. G

Beliau kurang pasti bahawa pada kesekitaran tahun 1998 telahpun terdapat beberapa wakil-wakil jual (dealers) di daerah Kluang dan daerah-daerah yang berhampiran.

Merujuk kepada ms 18 lampiran 76 nama-nama syarikat Poh Tak Furniture Trading Centre yang beralamat di No 8, Jalan Ang Pi Tow di Kluang peguamcara defendan telah bercadangkan bahawa syarikat ini telahpun menjadi wakil jual barangan defendan kesekitaran tahun 1998. SP1 berkata setahu beliau pada bulan Januari hingga bulan Disember 1998 Poh Tat Furniture Trading Centre tidak lagi beroperasi di alamat ini sebaliknya telah berpindah dari situ. H

SP1 juga disoal balas seperti berikut: I

S: Tetapi Poh Tak Furniture Trading Centre masih menjalankan perniagaan menjual barangan defendan pada masa tersebut?

J: Saya tidak tahu sama ada mereka ada menjual barangan defendan.

S: Sila lihat lampiran 76 bahagian II ms 25 nama terakhir iaitu Syarikat Toko Besar Senyum Sdn Bhd yang beralamat di Jalan Datuk Tan Seng Leong di Kluang, Johor. Saya cadangkan kepada awak bahawa Syarikat Toko Besar Senyum Sdn Bhd tersebut telahpun menjalankan perniagaan sebagai wakil jual (dealer) defendan pada bulan Januari hingga Disember 1998?

J: Tidak bersetuju. Syarikat ini belum wujud pada masa itu di alamat ini.

S: Adakah Syarikat Toko Besar Senyum Sdn Bhd menjalankan perniagaan barangan defendan sebagai wakil jual defendan di alamat lain pada waktu itu?

J: Saya tidak pasti.

S: Saya cadangkan kepada awak bahawa defendan telahpun mempunyai satu rangkaian wakil-wakil jual (dealers) di daerah Kluang Johor pada tahun 1998?

J: Saya tidak pasti.

Beliau bersetuju barang-barang yang dihantar serah oleh defendan kepada plaintif telah dijual kepada plaintif. Beliau tidak bersetuju bahawa barang-barang tersebut telah dijual dan dihantar serah oleh defendan kepada plaintif berikutan permintaan-permintaan terdesak plaintif. Pembukaan rasmi plaintif adalah pada 12 April 1998. Beliau tidak bersetuju memandangkan bahawa pembukaan rasmi plaintif adalah pada 12 April 1998 maka plaintif telah membuat permintaan-permintaan untuk barangan defendan secara mendesak sebelum 3 April 1998, 6 April 1998 dan 10 April 1998.

Beliau tidak bersetuju bahawa ketiga-tiga serahan itu dibuat oleh defendan kepada plaintif lanjutan permintaan desak plaintif dan sementara menunggu keputusan pihak pengurusan defendan berkenaan permohonan had kredit oleh plaintif.

Beliau tidak bersetuju bahawa beberapa hari selepas upacara pembukaan rasmi plaintif, defendan telah membuat keputusan menetapkan had kredit sebanyak RM5,000 dan perkara ini dimaklumkan kepada plaintif.

Beliau bersetuju bahawa ms 113 hingga 245 lampiran 76 merupakan butir-butir mengenai perbelanjaan papan-papan tanda dan panel-panel bagi wakil jual-wakil jual defendan di seluruh Malaysia mengikut amalan biasa defendan.

Beliau bersetuju bahawa ms 247 hingga 262 lampiran 76 adalah gambar-gambar papan-papan tanda, sepanduk-sepanduk di premis-premis wakil-wakil jual defendan di seluruh Malaysia. Beliau juga bersetuju dengan cadangan bahawa kos-kos bagi sepanduk-sepanduk, panel-panel dan papan-papan tanda plaintif yang dibiayai oleh defendan adalah sama seperti wakil-wakil jual lain.

Tham Kok Weng (PW2) dalam pemeriksaan utamanya telah berkata syarikat plaintif telah ditubuhkan pada 19 Disember 1994. Objek syarikat plaintif ialah menjual perabot.

Syarikat plaintif mulai beroperasi dari 12 April 1998 di No 260, 262 dan 264, Jalan Lambak, Kluang Johor.

Syarikat defendan hanya melantik syarikat plaintif sebagai agen tunggal secara lisan.

Pengurusan jualan syarikat defendan yang bernama Chew Pek Lam telah secara lisan melantik syarikat plaintif sebagai agen tunggal defendan dalam kehadiran beliau dan juga Tham Kok Leong iaitu seorang pengarah lagi. Setelah syarikat

plaintif dilantik sebagai agen tunggal dan juga agen syarikat defendan telah melantik sebuah syarikat pengiklanan yang bernama Art Sky Advertising untuk menempah papan tanda dan panel-panel supaya dipamerkan di seluruh daerah Kluang sebagai satu pengumuman kepada orang ramai bahawa syarikat plaintif telah dilantik sebagai agen atau agen tunggal syarikat defendan. Pengurus jualan, Chew Pek Lam dan pengurus besar Gan Lee Beng telah pada 12 April 1998 datang ke syarikat plaintif menghadiri pembukaan rasmi dan juga ada potong reben pembukaan baru syarikat plaintif.

Muka surat 294 hingga 295 lampiran 76 ialah invois-invois dikeluarkan oleh Art Sky Advertising atas tempahan Tetuan Dreamland Corporation (M) Sdn Bhd. Muka surat 374 hingga 377 lampiran 76 ialah gambar-gambar yang menunjukkan panel-panel yang dipamerkan dikawasan Kluang dan juga gambar pembukaan resmi syarikat plaintif.

Satelah syarikat plaintif dilantik sebagai agen atau agen tunggal defendan, syarikat defendan telah menjual barangan kepada syarikat plaintif berharga RM48,805.50.

Muka surat 383 hingga 396 lampiran 76 adalah invois-invois yang dikeluarkan oleh syarikat defendan.

PW2 juga disoal seperti berikut:

S: Bolehkah kamu menerangkan kepada mahkamah bagaimana defendan memungkiri perjanjian agensi atau agensi tunggal di antara syarikat plaintif dan syarikat defendan?

J: Setelah menghantar serah barangan syarikat defendan telah, mengenakan beberapa syarat seperti ditetapkan had kredit untuk tempoh 60 hari dan juga syarikat defendan meminta pengarah syarikat plaintif menandatangani surat jaminan. Mereka dapati syarat-syarat ini tidak munasabah. Syarikat defendan seharusnya mengemukakan syarat-syarat tersebut sebelum syarikat plaintif dilantik sebagai agen atau agen tunggal. Dan syarikat plaintif tidak akan menerima pelantikan syarikat defendan sebagai agen atau agen tunggal jika syarat-syarat itu ditetapkan semasa perlantikan.

S: Sila lihat lampiran 76 ms 329 hingga 333. Apa dokumen ini?

J: Ini adalah surat jaminan dan juga surat berkenaan had kredit.

S: Adakah dokumen tersebut ditandatangani oleh syarikat plaintif?

J: Tidak.

S: Apakah kerugian yang syarikat plaintif alami akibat daripada kemungkiran kontrak oleh pihak defendan?

J: Oleh kerana pengumuman telah dibuat kepada orang ramai bahawa kami adalah agen atau agen tunggal syarikat defendan, tetapi penetapan syarat-syarat oleh defendan yang kami tidak persetujui, syarikat defendan berhentikan penghantaran barang-barang mereka kepada syarikat plaintif. Kami tidak dapat menjual barangan itu, credibility dan nama baik syarikat plaintif telah tercemar.

S: Adakah apa-apa kerugian lagi?

J: Kami meminta kerugian kemungkiran perjanjian dan kerugian jangka masa panjang dan juga nama baik syarikat plaintif dalam bidang perabot di daerah Kluang.

S: Setelah pelantikan sebagai agen atau agen tunggal syarikat defendan perniagaan tersebut dijalankan di alamat No 260, 262 dan 264, Jalan Lambak, Kluang. Tempat perniagaan plaintif itu disewa atau bangunan sendiri?

J: Kedai sewa, selepas kami dilantik sebagai agen, kami telah menyewa rumah kedai tiga buah lima tingkat. Setelah menandatangani perjanjian sewa selama 12 tahun, kami telah membayar deposit sebanyak RM10,000 pada Mac 1998 dan sewa RM5,000 tiap-tiap bulan.

S: Sila lihat lampiran 76 ms 269 hingga 299. Apa dokumen ini?

J: Perjanjian sewa rumah kedai itu.

Dalam soalan balas PW2 berkata beliau telah berikrar suatu afidavit pada 17 September 2001 (D1). Beliau sahkan bahawa beliau telah mendakwa bahawa plaintif telah dilantik sebagai agen atau agen tunggal dalam jawapan-jawapan beliau kepada soalan-soalan No 12, 13, 17 dan 18 kandungan D1.

Beliau juga berkata beliau juga berikrar suatu affidavit pada 17 Januari 2002 (D2). Beliau sahkan bahawa dalam jawapan-jawapan beliau kepada soalan-soalan 12, 13, 17 dan 18 kandungan D2 beliau mendakwa plaintif telah dilantik sebagai agen atau agen tunggal.

Beliau berkata beliau ada mengikrarkan suatu afidavit pada 15 Mei 2002 (D3). Beliau sahkan bahawa dalam kandungan D3 beliau pun mendakwa bahawa plaintif telah dilantik sebagai agen atau agen tunggal dalam jawapan-jawapan beliau kepada soalan 12, 13, 17 dan 18.

Beliau bersetuju dalam jawapan-jawapan beliau kepada soalan-soalan dalam kandungan D1, D2 dan D3 pula beliau telah secara konsisten dan mutlak mendakwa bahawa defendan telah melantik plaintif sebagai 'agen atau agen tunggal' dan bukan agen tunggal sahaja.

Beliau tidak bersetuju dengan cadangan bahawa tiada sebarang rujukan dalam dokumen perjanjian had kredit mahupun surat jaminan yang mengesahkan dakwaan beliau bahawa plaintif dilantik sebagai agen tunggal.

Beliau bersetuju bahawa dalam pernyataan tuntutan plaintif lampiran 72 ms 4 hingga 11 tiada sebarang rujukan kepada apakah terma-terma lantikan plaintif sebagai agen tunggal seperti yang didakwa oleh plaintif.

Surat jaminan di ms 329 dan 330 lampiran 76 diberi kepada plaintif selepas semua papan tanda dan panel-panel dipamerkan di persekitaran daerah Kluang dan juga selepas pembukaan rasmi kedai dan juga barangan telah dihantar ke kedai plaintif.

Beliau tidak bersetuju bahawa keperluan surat jaminan telah dibincangkan di antara wakil plaintif dan wakil defendan sebelum perniagaan yang dicadangkan di antara plaintif dan defendan ini berlaku di antara hujung bulan Mac dan awal bulan April 1998 iaitu sebelum 2 April 1998.

Beliau tidak bersetuju bahawa semasa plaintif menerima borang permohonan had kredit (credit limit application form) dan surat jaminan plaintif bersetuju untuk menandatangani dokumen-dokumen tersebut.

Beliau tidak bersetuju bahawa berdasarkan kepada persetujuan plaintif untuk menandatangani dokumen-dokumen tersebut maka defendan telah menghantar serah tiga penghantaran barang-barang kepada plaintif iaitu pada 3 April 1998, 6 April 1998 dan 10 April 1998.

PW2 juga disoal balas seperti berikut:

S: Sila lihat dokumen di ms 328 lampiran 76 di bahagian tengah di mana ada cop Perabot Ekonomi (M) Sdn Bhd. Bersetujukah kamu bahawa cop ini adalah cop plaintif?

J: Cop ini bukan cop syarikat plaintif dan nombor kad pengenalan dicatitkan di situ bukan saya punya. Nombor kad pengenalan saya yang sebenar 5371510.

S: Bersetujukah awak dengan cadangan saya bahawa terdapat suatu tandatangan di bawah cop Perabot Ekonomi (M) Sdn Bhd?

J: Terdapat satu tandatangan. Itu bukan tandatangan saya.

Beliau tidak bersetuju bahawa plaintif memang telah mengisi dan kembalikan borang permohonan had kredit seperti yang dikehendaki oleh defendan.

Beliau tidak bersetuju berdasarkan kepada ms 332 lampiran 76 bahawa di antara 24 Mac 1998 hingga 28 Mac 1998 iaitu tarikh-tarikh yang tercatit di dalam borang itu defendan sedang proses permohonan had kredit plaintif.

Beliau tidak bersetuju bahawa sebelum defendan memproses permohonan had kredit plaintif di antara tempoh 24 Mac 1998 hingga 28 Mac 1998 tidak timbul sebarang persoalan bahawa defendan akan melantik plaintif sebagai agen tunggal defendan.

Beliau tidak bersetuju bahawa isu pokok yang timbul di antara plaintif dan defendan di antara 24 Mac 1998 hingga 28 Mac 1998 adalah kehendak defendan bahawa borang had kredit mesti ditandatangan dahulu sebelum defendan akan membekalkan beberapa barangannya kepada plaintif.

PW2 juga disoal balas seperti berikut:

S: Saya cadangkan kepada awak bahawa lanjutan kepada kehendak mutlak defendan seperti yang dicatit di ms 332 maka pada kesekitaran 2 April 1998 plaintif telah melengkapkan dan kemukakan borang had kredit yang terdapat di ms 327 dan 328 lampiran 76?

J: Saya tak bersetuju oleh kerana pada ms 327 terdapat catitan Tham Kok Weng dengan No I/C 4574249. Manakala No I/C saya adalah 5371510. Dan juga alamat yang dicatitkan No 28, Jalan 3/11, Taman Intan, Jalan Kluang. Mengikut pengetahuan saya alamat tersebut tidak wujud di Kluang. Dan juga terdapat nama Tham Kok Siong. Nama Tham Kok Siong dengan kad pengenalan No 6255431 dicatitkan sebagai director dan di alamat No 12, Jalan 5 Taman Kluang Baru. Saya bersumpah di mahkamah ini bahawa tiada seorang pengarah yang bernama Tham Kok Siong di syarikat plaintif dan saya percaya alamat tersebut juga tidak wujud. Di samping itu pada ms 328 lampiran 76 terdapat catitan nama saya dengan nombor kad pengenalan 4574249 dan juga dicatit sebagai director dan juga terdapat satu cop syarikat 'Perabot Ekonomi (M) Sdn Bhd' dan juga tandatangan.

A Saya katakan di sini bahawa cop tersebut bukan cop syarikat plaintif dan tandatangan pada cop itu bukan tandatangan saya. Saya juga mengatakan saya tidak pernah memohon permohonan seperti di ms 327 dan 328 lampiran 76. Dan saya juga katakan bahawa kedua-dua dokumen tersebut telah direka dan dipalsukan oleh defendan. Saya juga melaporkan perkara ini kepada Balai Polis Kluang dan saya percaya pihak polis ada mengambil tindakan siasatan. Laporan saya adalah Kluang Report No 010868/04 bertarikh 17 Disember 2004.

B

Beliau tidak bersetuju bahawa ID4 yang dibuat oleh beliau pada 17 Disember 2004 adalah sebagai fikiran kemudian dan untuk memberi justifikasi kepada tuduhan melulu beliau bahawa dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 telah direka dan dipalsukan oleh defendan.

C

Beliau tidak bersetuju bahawa kedudukan sebenarnya adalah bahawa plaintif sendiri telah mengisikan borang di ms 327 dan 328 dengan maklumat palsu menepati kehendak mutlak defendan pada masa yang mantan bahawa borang had kredit mesti dikemukakan oleh plaintif.

D Beliau tidak bersetuju selepas plaintif sendiri mengemukakan borang tersebut di ms 327 dan 328 kepada defendan plaintif cuba mempertikaikan kesahihan dan kandungan borang tersebut.

Beliau tidak bersetuju bahawa dokumen-dokumen di ms 327 hingga 332 lampiran 76 telah diberikan oleh defendan kepada plaintif untuk ditandatangani sebelum

E 2 April 1998 di mana perkara tersebut adalah disahkan melalui catitan-catitan 'verified by, date' serta tulisan tangan tarikh 2 April 1998 di ms 328 lampiran 76.

Beliau tidak bersetuju bahawa pada mulanya plaintif bersetuju dengan deklarasi dalam terma yang terkandung dan dinyatakan di ms 328 lampiran 76 iaitu 'on being granted the credit facility we agree to accept the trading terms of your Company'.

F Beliau tidak bersetuju bahawa selepas defendan telah menetapkan had kredit plaintif enggan untuk terima syarat-syarat perniagaan defendan.

Beliau tidak bersetuju bahawa tempahan oleh plaintif dan hantar serah barangan oleh defendan dibuat pada kali pertama pada 3 April 1998 setelah plaintif bersetuju dengan terma-terma perniagaan defendan.

G Beliau tidak bersetuju bahawa pesanan-pesanan dibuat oleh plaintif secara segera (urgent request) agar defendan hantar serah barangannya pada tarikh-tarikh 3 April 1998, 6 April 1998 dan 10 April 1998 disebabkan oleh berapa sebab, pertama syarikat keluarga beliau yang dahulunya menjalankan perniagaan perabot iaitu Syarikat Kluang Double Deluxe Furniture Centre Sdn Bhd akan diberhentikan

H perniagaannya pada 12 April 1998.

Beliau tidak bersetuju bahawa berdasarkan kepada keseluruhan fakta-fakta dalam kes ini plaintif telah tukar menukar pendiriannya mengenai lantikannya sebagai agen atau agen tunggal secara tidak terbatal atau sebaliknya seperti yang didakwa oleh plaintif untuk memberi justifikasi bagi tuntutannya.

I Beliau bersetuju bahawa sesuatu lantikan sebagai agen defendan adalah setaraf (equivalent) dengan sesuatu lantikan sebagai wakil jual (dealer) defendan.

Beliau sahkan bahawa butir barangan-barangan defendan yang telah dijual dan dihantar serah kepada plaintif berjumlah RM48,505.80 adalah seperti yang terkandung di ms 383 hingga 396 lampiran 76. PW2 berkata beliau hanya tahu

dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 hanya pada perbicaraan kes ini. Beliau bersetuju bahawa semasa soalan balas apabila beliau dirujuk kepada dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 pada ketika itu buat kali pertama beliau cuba mencabar kesahihan dokumen tersebut kerana sebelum ini beliau tidak pernah lihat dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76.

Dalam pemeriksaan semula PW2 berkata plaintif adalah agen tunggal atau agen kepada defendan. Lantikan secara bertulis tiada tetapi pengurus besar syarikat defendan Encik Chew Pek Lam telah datang ke syarikat plaintif pada masa itu di Syarikat Kluang Double Deluxe di alamat No 20 dan 21 Jalan Intan 2/1, Taman Intan, Kluang dan telah berjumpa dengan beliau dan seorang lagi pengarah nama Tham Kok Leong dengan secara lisan telah melantik syarikat plaintif sebagai agen atau agen tunggal untuk menjual barangan defendan. Selepas lantikan Encik Chew Pek Lam telah melantik sebuah syarikat membuat iklan bernama Art Sky menempah papan iklan dan kain lintang dan juga bendera-bendera. secara kegunaan iklan untuk dipasang dan dipamerkan di keseluruh kawasan Kluang untuk menunjukkan bahawa syarikat plaintif telah dilantik sebagai agen atau agen tunggal untuk menjual barangan defendan. Selepas itu defendan juga telah menghantar serah barangan berjumlah RM48,805 kepada plaintif. Selepas itu pada 12 April 1998 pengurus jualan defendan Encik Chew Pek Lam dan pengurus besar Encik Gan Lee Beng telah hadir pada satu upacara perasmian pembukaan di premis plaintif di mana Encik Gan Lee Beng telah memotong reben perasmian.

PW2 juga diperiksa semula seperti berikut:

> S: Saya merujuk kepada lampiran 76 ms 327 dan 328. Kenapa kamu tidak bersetuju bahawa kamu telah menandatangani dokumen tersebut?
>
> J: Saya tidak pernah memohon dan tidak pernah melihat dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 di mana di atas dokumen di ms 327 ada catit nama Tham Kok Weng dengan No kad pengenalan 4574249 tetapi No kad pengenalan tersebut bukan No kad pengenalan saya. No kad pengenalan saya adalah 5371510 dan juga alamat No 28 3/11, Taman Intan, Kluang juga bukan alamat saya dan alamat tersebut tidak wujud di Kluang. Dan juga dokumen tersebut juga mencatitkan seorang pengarah syarikat bernama Tham Kok Seong. Dan dalam senarai pengarah syarikat plaintif tidak mempunyai seorang pengarah yang bernama Tham Kok Seong. Manakala dalam ms 328 lampiran 76 juga tercatit nama saya Tham Kok Weng dengan No kad pengenalan yang sama iaitu 4574249 di mana juga bukan No. kad pengenalan saya. Terdapat juga satu cop Perabot Ekonomi (M) Sdn Bhd. Tetapi cop tersebut bukan kepunyaan plaintif. Dan juga terdapat satu tandatagan di tempat cop itu dan ini bukan tandatangan saya. Saya percaya dokumen ini telah dipalsukan.

Plaintif ada terima surat bertarikh 30 April 1998 seperti di ms 333 lampiran 76 tetapi plaintif terima surat ini selepas Mei 1998.

Plaintif tidak bersetuju dengan permohonan had kredit RM20,000 dan surat jaminan ditandatangani oleh pengarah-pengarah plaintif kerana plaintif telah dilantik sebagai agen atau agen tunggal untuk menjual barangan defendan. Dan manakala plaintif telah memulakan perniagaan pada 12 April 98 selepas defendan menghantar serah barangan berjumlah RM48,505 kepada plaintif. Dan papan tanda

perniagaan telah dipasang di premis plaintif, Banner dan poster telah dipamerkan di persekitaran Kluang di mana plaintif adalah penjual barangan defendan. Orang ramai sudah tahu plaintif adalah agen atau agen tunggal defendan. Adalah tidak munasabah untuk kemukakan syarat-syarat yang terkandung di ms 333 lampiran 76 selepas begitu lama masanya. Jika defendan hendak kemukakan syarat-syarat ini hendaklah dikemukakan sebelum lantikan dan bukan dikemukakan selepas pelantikan. Ini adalah amat tidak adil. Itulah sebab beliau enggan menandatangani ms 333 lampiran 76.

Wong Wye Chiang (SP3) dalam pemeriksaan utamanya berkata beliau telah mengenali syarikat plaintif pada awal bulan April 1998. Perhubungan beliau dengan plaintif adalah urusan berniaga. Beliau membeli barangan daripada plaintif. Pada masa yang mantan beliau adalah Pengarah Syarikat Fong Ye Furniture Marketing Sdn Bhd. Beliau tahu bahawa syarikat plaintif pada setiap masa yang mantan merupakan agen kepada defendan yang mana berurusan dengan barangan, Dreamland. Pengarah syarikat plaintif Encik Tham Kok Weng dan Tham Kok Leong ada memberitahu beliau bahawa syarikat mereka telah dilantik sebagai agen defendan di kawasan Kluang.

Pada 12 April 1998 beliau telah dijemput oleh syarikat plaintif datang menghadiri upacara pembukaan rasmi syarikat plaintif. Beliau menghadiri majlis pembukaan kedai plaintif. Beliau nampak ramai ahli-ahli peniaga dari bidang yang sama. Dan juga Chew Pek Lam dan Gan Lee Beng. Gan Lee Beng adalah pengurus besar daripada Dreamland. Jika tak silap Encik Chew Pek Lam dan Gan Lee Beng ada katakan perkara berkaitan dengan agensi.

Selepas itu syarikat plaintif ada memberitahu beliau bahawa agensinya telah ditarik balik dan tidak dapat membekalkan barangan kepada beliau.

Dalam soalan balas SP3 telah disoal seperti berikut:

S: Sila lihat lampiran 76 ms 4, 5, 6, 7 dan 9. Arahan saya adalah bahawa ini adalah senarai agen-agen jurujual atau wakil-wakil jual defendan di antara lain di kawasan Negeri Johor. Sila lihat ms 4. Arahan saya adalah bahawa City New Furniture Sdn Bhd menjalankan perniagaan di kawasan Batu Pahat, Johor sebagai agen jual atau wakil jual barangan defendan, bersetuju?

J: Saya tidak tahu kerana saya tidak berurusan dengan syarikat tersebut.

S: Merujuk kepada ms 6 lampiran 76. Saya katakan pada setiap masa yang mantan syarikat-syarikat Furnwood Furniture Centre yang juga menjalankan perniagaan sebagai wakil jual atau agen barangan defendan di kawasan Batu Pahat, Johor?

J: Saya tak ada urusan dengan beliau.

S: Sila lihat ms 9 lampiran 76. Cadangan saya adalah bahawa setiap masa yang mantan tersebut Hui Brothers Furniture Trading Company dan Huat Seng Kedai Perabot juga menjalankan perniagaan sebagai wakil jual atau agen barangan defendan di Paloh, Johor dan Senggarang, Batu Pahat masing-masing?

J: Saya tiada urusan niaga dengan mereka.

S: Bersetujukah awak dengan cadangan saya bahawa kalangan mereka terlibat dalam bidang perniagaan perabot adalah satu golongan yang kecil yang mengenali di antara satu sama lain?

J: Saya tak bersetuju.

SP3 berkata beliau ada mengikrarkan satu afidavit pada 27 September 2001 (D7).

SP3 juga disoalbalas seperti berikut:

S: Saya cadangkan kepada awak bahawa dalam pemeriksaan utama awak, awak hanya merujuk kepada lantikan plaintif dengan menggunakan perkataan 'agensi'. Ini nyata bercanggah dengan kandungan jawapan-jawapan kepada soalan 4, soalan 6 dan soalan 7 di mana pada satu ketika awak menyatakan dalam jawapan kepada soalan 4 bahawa 'Syarikat plaintif telah dilantik sebagai agen atau agen tunggal' dan seterusnya di dalam jawapan yang sama awak menyatakan bahawa syarikat plaintif telah dilantik sebagai agen tunggal dan seterusnya dalam jawapan-jawapan 6 dan 7 pula awak merujuk kepada lantikan sebagai 'agen sahaja'. Sila jelaskan percanggahan tersebut?

J: Dalam maksud Bahasa Cina 'Tai Li' meaning agen atau wakil jual.

SP3 juga disoal balas seperti berikut:

S: Berdasarkan kepada jawapan awak tadi dan juga keterangan awak melalui pemeriksaan utama serta kandungan D7 awak tidak pasti berhubung dengan lantikan plaintif iaitu sama ada lantikan itu adalah sebagai agen semata-mata atau sebagai agen tunggal?

J: Maksudnya adalah agen.

Beliau bersetuju dengan cadangan bahawa beliau tidak tahu keadaan dalam mana lantikan plaintif sebagai agen defendan dibuat. Beliau tidak mengetahui terma-terma perniagaan di antara plaintif dan defendan berhubung dengan lantikan plaintif sebagai agen barangan defendan bagi kawasan Kluang. Itu ada hal urusan dalaman.

[4] The case for the defendant is as follows:

Gan Lee Beng (DW1) dalam pernyataan saksinya (DW1A) telah mengatakan bahawa beliau adalah ketua pegawai eksekutif defendan. Keterangan DW1 selanjutnya dalam DW1A adalah seperti berikut:

S2: Adakah defendan pernah melantik plaintif sebagai agen tunggal barangan defendan dalam daerah Kluang pada lebih kurang Februari 1998 atau pada bila-bila masa?

J: Defendan tidak pernah melantik plaintif sebagai agen tunggal barangan defendan dalam daerah Kluang pada lebih kurang Februari 1998 atau pada bila-bila masa. Untuk pengetahuan mahkamah yang mulia ini defendan mempunyai rangkaian ('network') wakil jual-wakil jual ('dealers') di kebanyakkan daerah di seluruh negara Malaysia. Defendan tidak pernah melantik sesiapa sebagai agen tunggal barangan defendan di Malaysia.

S3: Apakah peranan wakil jual-wakil jual ('dealers') tersebut?

J: Wakil jual-wakil jual ('dealers') yang diiantik oleh defendan berperanan sebagai agen jualan bagi barangan defendan.

A S4. Adakah anda mempunyai pengetahuan mengenai pameran barangan defendan yang diadakan oleh plaintif?

J. Ya.

S5: Bilakah pameran tersebut diadakan?

B J: Pada 12 April 1998. Sila lihat lampiran 76 pada ms 377.

S7: Adakah Chew Pek Lam, pengurus jualan kawasan Johor merasmikan pembukaan premis plaintif bersama dengan awak?

J: Ya. Sila lihat lampiran 76 pada ms 378–380.

C S7: Plaintif mencadangkan bahawa dengan merasmikan premis plaintif, defendan telah memberikan pandangan kepada orang ramai bahawa plaintif adalah ajen tunggal defendan. Apakah pendirian defendan mengenai ini?

J: Ini adalah tidak benar sama sekali.

D S8: Mengapa defendan berpendirian sebegitu?

J: Saya ingin menarik perhatian mahkamah yang mulia kepada lampiran 76 pada ms 246–262 dan menyatakan bahawa defendan telah menaja sepanduk untuk banyak syarikat lain. Syarikat-syarikat tersebut bukanlah ajen tunggal plaintif. Saya juga mengulangi bahawa defendan mempunyai rangkaian ('network') wakil jual-wakil jual ('dealers') di kebanyakan daerah di seluruh negara Malaysia dan defendan tidak pernah melantik sesiapa sebagai agen tunggal barangan defendan di Malaysia. Sila lihat lampiran 76 pada ms 1–112.

E

S9: Sila terangkan kepada mahkamah yang mulia ini apakah kandungan dokumen-dokumen tersebut?

F

J: Dokumen-dokumen tersebut adalah rekod perniagaan defendan mengenai senarai wakil jual-wakil jual ('dealers') barangan defendan di seluruh Malaysia. Pada ms 5 lampiran 76 plaintif juga disenaraikan sebagai salah satu wakil jual ('dealers') defendan.

G S10: Bolehkah anda jelaskan rnengapakah pengurus jualan dan pemasaran defendan di Johor telah merasmikan pembukaan premis plaintif?

J: Ini adalah atas jemputan plaintif sendiri.

S11: Mengapakah wakil defendan telah bersetuju untuk merasmikan pembukaan premis plaintif?

H

J: Ini adalah oleh kerana jemputan plaintif dan memandangkan defendan 'telah membekalkan barang-barang ('display products') untuk pameran tersebut bagi perasmian premis plaintif. Maka wakil defendan telah hadir untuk merasmikan pameran plaintif.

I

S12: Mengapakah defendan membekalkan barang-barang ('display products') untuk pameran plaintif?

J: Ini adalah atas desakan segera plaintif yang ingin memulakan perniagaannya pada 12 April 1998.

S13: Pada 12 April 1998 adakah defendan mengamalkan sistem had kredit berhubung dengan barangan yang dijual dan dihantar serah kepada wakil jual-wakil jual defendan? A

J. Ya, ketika itu defendan mengamalkan sistem had kredit berhubung dengan barangan yang dijual. dan dihantar serah kepada wakil jual-wakil jual defendan. B

S14: Bolehkah anda jelaskan kepada mahkamah yang mulia ini mengenai sistem had kredit yang anda nyatakan?

J: Berdasarkan sistem ini defendan akan menetapkan had kredit bagi seseorang wakil jualnya. Sehubungan dengan perkara ini defendan akan menilai kekuatan kredit ('credit worthiness') setiap wakil jualnya dan menetapkan had kredit yang C sewajarnya. Seterusnya wakil jual tersebut hanya boleh membeli barangan defendan setakat had kredit tersebut. Defendan mengamalkan system had kredit dalam perniagaannya untuk menjaga kepentingannya.

S15: Pada sekitaran awal tahun 1998 adakah awak pernah menimbulkan keperluan had kredit kepada plaintif? D

J: Ada. Pada atau sekitaran awal tahun 1998, saya telah mewakili syarikat defendan dan telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Tham Kok Leong yang merupakan pengarah plaintif mengenai perniagaan yang dicadangkan di antara syarikat plaintif dan defendan sebagai pengedar ('dealer') bagi barangan-barangan defendan. Perbincangan-perbincangan tersebut E merangkumi perkara-perkara berikut:

(a) bahawa plaintif hendaklah mengisikan dan mengemukakan borang permohonan tahap kredit kepada defendan;

(b) bahawa defendan berhak untuk menetapkan tahap kredit berhubung F dengan barangan yang dipesan oleh plaintif;

(c) seterusnya plaintif boleh memesan barang-barang mengikut tahap kredit yang ditetapkan oleh defendan;

(d) plaintif bersetuju terima syarat-syarat perniagaan yang ditetapkan G oleh defendan; dan

(e) defendan berhak untuk menetapkan sebarang syarat lain berhubung dengan pembekalan barangan kepada plaintif.

S16: . Anda telah menyatakan sebelum ini bahawa defendan ada membekalkan H barangan ('display products') untuk pameran plaintif sebelum perasmian premis plaintif pada 12 April 98. Sila nyatakan bilakah defendan telah membekalkan barang-barang tersebut kepada plaintif?

J: Defendan telah membekalkan barang-barang tersebut kepada plaintif pada 3 April 1998, 6 April 1998 dan 10 April 1998. I

S17: Adakah ini merupakan amalan biasa defendan untuk membekalkan barangannya kepada wakil jualnya sebelum had kredit diluluskan?

J: Tidak. Ini bukan amalan biasa.

S18: Mengapakah defendan telah membekalkan barangannya kepada plaintif walaupun had kredit plaintif masih belum diluluskan oleh defendan?

J: Seperti yang telah saya jelaskan tadi, ini adalah kerana plaintif telahpun bersetuju untuk menerima syarat-syarat perniagaan yang ditetapkan oleh defendan dan plaintif telah meminta barangan defendan ('display products') untuk pameran plaintif semasa perasmian premis plaintif secara segera. Sila lihat lampiran 74 pada ms 21 perenggan 7.

S19: Apakah asas defendan membekalkan barangan kepada plaintif?

J: Defendan telah membekalkan barangannya secara kredit dan/atau pada dasar consignment ('consignment basis') dan mengikut syarat-syarat perniagaan defendan. Sila lihat lampiran 74 pada ms 21 perenggan 8.

S20: Terangkan kepada mahkamah yang mulia ini apakah syarat-syarat perniagaan defendan?

J: Syarat-syarat perniagaan defendan adalah seperti berikut:

(a) bahawa borang permohonan tahap kredit hendaklah diisikan dan dikemukakan kepada defendan;

(b) bahawa defendan berhak untuk menetapkan tahap kredit berhubung dengan barangan yang dipesan;

(c) bahawa plaintif boleh memesan barang-barang mengikut tahap kredit seperti yang ditetapkan; dan

(d) bahawa defendan berhak untuk menetapkan sebarang syarat lain berhubung dengan pembekalan barangan kepada plaintif. Sila lihat lampiran 74 pada ms 21 perenggan 8.

S21: Apakah had kredit yang telah ditetapkan oleh defendan terhadap plaintif?

J: Defendan telah menetapkan tahap kredit sebanyak RM5,000 disamping syarat-syarat perniagaan yang lain. Sila lihat lampiran 74 pada ms 22 perenggan 9.

S22: Sila jelaskan kepada mahkamah yang mulia ini apakah syarat-syarat perniagaan lain tersebut?

J: Syarat-syarat perniagaan lain tersebut adalah:

(a) bahawa defendan hendaklah mengemukakan jaminan yang ditandatangani oleh pengarah-pengarah plaintif. Berhubung dengan barang-barang yang dihantar serah kepada plaintif secara kredit dan/atau pada dasar consignment;

(b) bahawa defendan akan memberi tempoh kredit kepada plaintif selama enam puluh (60) hari bagi barangan yang dihantar serah kepada plaintif; dan

(c) seterusnya, bahawa plaintif hendaklah membayar faedah pada kadar 1.5% sebulan ke atas jumlah yang tertunggak berhubung dengan barangan yang dihantar serah kepada plaintif.

S23: Seterusnya adakah plaintif telah menghantar permohonan had kreditnya kepada defendan.

J: Ya. Borang permohonan had kredit yang dihantar oleh plaintif kepada defendan adalah di lampiran 76 di ms 327 dan 328.

S24: Adakah awak memproses borang permohonan had kredit di lampiran 76 di ms 327 dan 328 tersebut?

J: Ya, saya juga telah memproses borang permohonan tersebut.

S25: Apakah had kredit plaintif yang diluluskan oleh awak?

J: Saya telah meluluskan had kredit plaintif sebanyak RM5,000 sahaja.

S26: Mengapakah awak meluluskan kredit bagi plaintif sebanyak RM5,000 sahaja?

J: Ini adalah kerana akaun plaintif adalah akaun baru. Seterusnya defendan pernah mempunyai urusan perniagaan dengan sebuah syarikat yang mempunyai pertalian dengan plaintif iaitu Kluang Double Deluxe Furniture Center Sdn Bhd yang masih berhutang kepada defendan ketika itu bagi jumlah lebih kurang RM33,197. Setahu saya pengarah-pengarah plaintif juga adalah pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham Syarikat Kluang Double Deluxe Furniture Center Sdn Bhd tersebut.

S27: Adakah kelulusan had kredit sebanyak RM5,000 tersebut dimaklumkan kepada plaintif?

J: Ya. plaintif telah dimaklumkan mengenai kelulusan had kredit sebanyak RM5,000 tersebut.

S28: Disamping barangan ('display products') defendan yang dihantar serah kepada plaintif adakah plaintif membuat pesanan untuk barangan lain kepada defendan?

J: Ada. Plaintif juga membuat pesanan untuk barangan lain.

S29: Adakah defendan menghantar serah barangan lain tersebut yang dipesan oleh plaintif?

J: Defendan tidak menghantar serah barangan lain tersebut yang dipesan oleh plaintif.

S30: Mengapakah defendan enggan menghantar serah barangan lain tersebut yang dipesan oleh plaintif?

J: Ini adalah kerana setelah plaintif bersetuju untuk menerima syarat-syarat perniagaan defendan, inter alia, bahawa defendan adalah berhak untuk menetapkan tahap kredit berhubung dengan barangan yang dipesan oleh plaintif, bahawa plaintif hanya boleh memesan barang-barang mengikut tahap kredit yang ditetapkan oleh defendan dan defendan berhak untuk menetapkan

sebarang syarat-syarat lain berhubung dengan pembekalan barangan kepada plaintif, namun plaintif telah enggan mematuhi syarat-syarat tersebut. Sila lihat jaminan ('guarantee') di ms 329–330 lampiran 76.

S31: Adakah jaminan di ms 329–330 lampiran 76 tersebut ditandatangani oleh pengarah-pengarah plaintif.

J: Jaminan dalam bentuk dokumen pada ms 329–330 (lampiran 76), telah diberikan kepada pengarah-pengarah syarikat plaintif untuk ditandatangani oleh mereka tetapi pengarah-pengarah plaintif enggan untuk menandatangani surat jaminan tersebut? Sila lihat ms 333 lampiran 76.

S32: Adakah awak menulis surat bertarikh 30 April 998 ini kepada plaintif dan apakah tujuannya?

J: Ya. Tujuan saya menulis surat ini adalah di antara lain untuk mengesahkan bahawa pada 22 April 1998 terdapat mesyuarat di antara plaintif dan saya seperti yang dirujuk dalam perenggan 1 surat tersebut, Saya menyatakan bahawa selepas mesyuarat pada 22 April 1998 tersebut defendan masih menimbulkan isu syarat-syarat jaminan pengarah-pengarah ('Directors Guarantee') dan penetapan had kredit dalam hubungan perniagaan di antara plaintif dan defendan. Saya juga memberi jaminan kepada plaintif bahawa plaintif akan diberikan tahap layanan yang bermutu, kualiti dan keuntungan yang sama sepertimana yang diberikan kepada wakil jual-wakil jual ('dealers') lain defendan. Sila lihat dokumen di ms 327 dan 328 Lampiran 76.

S33: Saksi plaintif menyatakan bahawa cop yang tertera pada dokumen tersebut bukanlah cop syarikat plaintif, tandatangan di situ bukan tandatangan pengarahnya Tham Kok Weng dan nombor kad pengenalan pengarah tersebut yang dinyatakan juga adalah tidak benar. Apakah yang ingin dinyatakan oleh awak berhubung dengan pernyataan tersebut?

J: Saya ingin memaklumkan kepada mahkamah yang mulia ini bahawa setahu saya dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 telah diisikan oleh pihak plaintif dan telah dikembalikan oleh plaintif kepada defendan.

S33: Apakah amalan defendan berhubung dengan jaminan pengarah-pengarah dan penetapan had kredit terhadap wakil jual-wakil jualnya selain daripada plaintif?

J: Defendan juga mengkehendaki wakil jual-wakil jualnya yang lain untuk kemukakan jaminan pengarah-pengarah serta menetapkan tahap kredit terhadap mereka berdasarkan nilai kredit ('credit worthiness') mereka. Sebagai contoh saya ingin menarik perhatian mahkamah yang mulia ini kepada ikatan dokumen yang dipersetujui, lampiran 79 yang mengandungi/mengesahkan jaminan pengarah-pengarah yang diperolehi oleh defendan daripada wakil jual-wakil jualnya serta tahap kredit yang ditetapkan oleh defendan terhadap wakil jual-wakil jualnya yang lain.

<u>Sila lihat tarikh-tarikh yang dinyatakan di ms 332 lampiran 76 iaitu dua tarikh 24 Mac 1998 tarikh 28 Mac 1998</u>

S34: Dengan merujuk kepada ms 332 sila jelaskan apa sedang berlaku di antara 24 Mac 1998 hingga 28 Mac 1998 iaitu di antara tarikh-tarikh yang tercatit di ms 332 lampiran 76?

J: Di antara 24 Mac 1998 hingga 28 Mac 1998 iaitu tarikh-tarikh yang tercatit di ms 332 lampiran 76, defendan sedang memproses permohonan had kredit plaintif yang telah dikemukakan oleh plaintif kepada defendan berdasarkan kepada kehendak defendan.

S35: Ketika defendan sedang memproses permohonan had kredit plaintif di antara 24 Mac 1998 hingga 28 Mac 1998 atau pada bila-bila masa yang lain, adakah timbul sebarang persoalan bahawa defendan telah atau akan melantik plaintif sebagai agen tunggal defendan?

J: Persoalan sedemikian bahawa defendan akan melantik plaintif sebagai agen tunggal defendan tidak timbul pada bila-bila masa kerana kami hanya mempunyai rangkaian wakil jual-wakil jual ('dealers') di seluruh Malaysia dan kami tidak pernah melantik agen tunggal ('sole agent').

S36: Apakah isu pokok yang timbul di antara plaintif dan defendan di antara 24 Mac 1998 hingga 28 Mac 1998? '

J: Isu pokok yang timbul di antara plaintif dan defendan di antara 24 Mac 1998 hingga 28 Mac 1998 dan juga selepas tarikh-tarikh tersebut adalah kehendak defendan bahawa borang had kredit mesti ditandatangani dahulu sebelum defendan akan membekalkan sebarang barangannya kepada plaintif. Untuk makluman mahkamah yang mulia ini itulah sebabnya saya membuat catitan saya pada ms 332 di lampiran 76: 'credit application must be signed first' seperti dalam petak di ms 332 lampiran 76 tersebut.

S37: Bilakah plaintif kemukakan borang had kredit yang terdapat di ms 327 dan 328 lampiran 76?

J: Setahu saya pada sekitar 2 April 1998.

S38: Saksi plaintif menyatakan bahawa plaintif tidak memohon had kredit sebanyak RM5,000 tersebut. Apakah yang ingin dinyatakan oleh awak berhubung dengan pernyataan tersebut?

J: Saya katakan bahawa pada mulanya plaintif menerima syarat-syarat perniagaan defendan. Seterusnya plaintif memang telah mengisi dan kembalikan borang permohonan had kredit untuk pemprosesan seperti yang dikehendaki oleh defendan. Had kredit sebanyak RM5,000 tersebut adalah ditetapkan oleh defendan lanjutan kepada penerimaan syarat-syarat tersebut oleh plaintif.

S39: Apakah jumlah harga keseluruhan barangan defendan kepada plaintif yang dihantar serah pada 3 April 1998, 6 April 1998 dan 10 April 1998 seperti yang terkandung di ms 383 hingga ms 396 lampiran 76?

J: Jumlah harga keseluruhan barangan tersebut adalah sebanyak RM48,805.80.

S40: Adakah plaintif telah membayar harga barangan tersebut sebanyak RM48,805.80 tersebut kepada defendan?

J: Sehingga ke hari ini plaintif belum membayar harga barangan tersebut sebanyak RM48,805.80 kepada defendan.

S41: Adakah defendan pada bila-bila masa mengenepikan hak defendan kepada barangannya yang telah dijual dan dihantar serah kepada plaintif bagi jumlah RM48,805.80 tersebut?

A J: Defendan tidak pada bila-bila masa mengenepikan hak defendan kepada barangannya bagi jumlah RM48,805.80 tersebut.

DW1 juga berkata defendan yang membiayai kos bagi menyediakan papan-papan tanda, sepanduk-sepanduk, banner-banner dan sebagainya yang ditunjukkan dalam gambar-gambar di ms 113, 115, 117, 119, 121, 124, 126, 131 dan lain-lain gambar dalam lampiran 76.

Dokumen-dokumen di ms 114, 116, 118, 120, 122, 125, 126, 127, 128, 129, 131, 132 dan 133 lampiran 76 adalah invois-invois dari pembekal-pembekal ataupun supplier sepanduk, panel, sign board dan juga leaflet. Defendan yang membayar kos bagi menyediakan sepanduk, panel, sign board dan juga leaflet tersebut. Papan tanda, sepanduk-sepanduk, leaftlets, signboard dan panel yang ditunjukkan di ms 113, 115, 117, 121, 124, 126 dan 131 lampiran 76 sama seperti sepanduk-sepanduk, papan tanda, panel serta leaflet yang dibiayai oleh defendan seperti yang ditempah daripada Syarikat Art Sky Advertising.

Dalam soalan balas DW1 berkata defendan tidak pernah melantik plaintif sebagai agen defendan. plaintif semata-mata wakil-jual defendan. Beliau tidak bersetuju pada 12 April 1998 bukanlah pameran tetapi pembukaan rasmi. Beliau berkata jawapan yang tepat ialah dalam Bahasa Inggeris 'opening sales' atau 'jualan pembukaan' di mana barangan defendan telah dipamer di kedai plaintif.

Beliau bersetuju bahawa Chew Pek Lam pengurus jualan kawasan Johor merasmikan pembukaan premis plaintif bersama dengan beliau. Beliau tidak bersetuju dengan cadangan disebabkan perlantikan plaintif sebagai agen atau agen tunggal Chew Pek Lam dan beliau telah melangsungkan perasmian bagi pihak defendan. Menghadiri perasmian pembukaan premis adalah perkara yang biasa bagi mereka. Mana-mana peruncit yang menjual barangan mereka sekiranya mereka menjemput mereka menghadiri atau merasmikan pambukaan premis mereka, mereka tetap akan hadiri. Beliau tidak bersetuju dengan kehadiran mereka untuk melangsungkan perasmian pembukaan premis plaintif menunjukkan atau mewujudkan satu kaedah yang defendan telah lantik plaintif sebagai agen pada pandangan orang ramai. Orang ramai yang hadir pada hari itu tidak tahupun siapa beliau. Lagipun pembukaan rasmi premis peruncit mereka adalah satu tugas yang biasa dijalani oleh beliau.

Gambar-gambar yang terdapat di lampiran 76 ms 246–262 adalah gambar-gambar wakil jual-wakil jual mereka ataupun dealers mereka ataupun peruncit mereka. Mereka semua ini adalah wakil jual-wakil jual mereka. Tidak satupun dilantik sebagai agen tunggal sebab syarikat mereka tidak pernah mengamalkan sistem lantikan agen tunggal.

Hantaran-hantaran barangan berjumlah RM48,805.80 dibuat kerana atas desakan segera plaintif dan plaintif telah membuat jaminan bahawa mereka telah bersetuju dengan syarat-syarat perniagaan defendan iaitu plaintif bersetuju akan menandatangani surat jaminan pengarah-pengarah plaintif. Dan plaintif juga bersetuju akan mengisikan dan mengemukakan borang permohonan terhadap had kredit kepada mereka.

Di lampiran 72 ms 327, 328, 329 ada menunjukkan bahawa ini adalah dokumen-dokumen dari syarikat mereka yang berkaitan dengan had kredit dan juga jaminan oleh pengarah-pengarah. Selain daripada itu di lampiran 79 ada juga

dokumen-dokumen yang berkaitan dengan had kredit dan jaminan pengarah-pengarah wakil-wakil jual mereka.

DW1 juga disoal balas seperti berikut:

S: Saya rujuk kamu kepada jawapan kamu kepada soalan 20 di DW1A. Saya katakan syarat-syarat yang defendan plidkan bukan syarat-syarat yang dikandung dalam surat perjanjian di antara plaintif dan defendan yang boleh mengikat plaintif?

J: Syarat-syarat perniagaan defendan ada terdapat di dokumen-dokumen had kredit, jaminan pengarah-pengarah, invois dan juga delivery order defendan.

S: Boleh tunjuk bukti?

J: Boleh. Sebenarnya kebanyakan dokumen-dokumen yang saya sebutkan tadi terdapat di lampiran 79 dan 76.

S: Soalan saya, dokumen-dokumen di lampiran 79 semua dokumen-dokumen tersebut merujuk bukan mengenai berkenaan transaksi-transaksi antara plaintif dan defendan, bersetuju?

J: Dokumen-dokumen yang tersebut menunjukkan bahawa defendan memang ada mengamal syarat-syarat perniagaan dan syarat-syarat perniagaan tersebut telah dipersetujui oleh plaintif tetapi plaintif tidak menunaikan apa yang telah dipersetujui di antara plaintif dan defendan semasa perbincangan yang telah berlangsung lebih dahulu.

S: Saya merujuk kamu kepada jawapan kamu kepada soalan 21 di DW1A. Berkenaan jawapan kamu bagi soalan 21 saya katakan bahawa tahap had kredit sebanyak RM5,000 yang ditetapkan oleh defendan adalah fikiran kemudian atau rekaan?

J: Tidak benar. Tahap had kredit RM5,000 merupakan tahap kredit yang biasa kami beri kepada akaun baru. Tetapi selepas kami menerima surat jaminan pengarah-pengarah tahap kredit ini mungkin akan ditingkatkan. Dan juga beberapa bulan berniaga dengan wakil jualan baru ini kami akan semak semula had kreditnya mengikut kekuatan kredit atau 'creditworthiness'.

S: Saya merujuk jawapan kamu kepada soalan 20 dan 22 DW1A yang mana kamu menerangkan tentang syarat-syarat perniagaan defendan. Saya katakan pada setiap masa yang mantan kamu tidak pernah menyerahkan syarat-syarat ini kepada plaintif?

J: Tidak bersetuju. Ini langsung tidak benar. Syarat-syarat perniagaan kami mengwujud semenjak syarikat kami dimilik oleh Pacific Dunlop Australia FACB dan LTAT.

S: Berdasarkan jawapan kamu saya katakan kamu memang tidak menyerahkan syarat-syarat tersebut kepada plaintif?

J: Ini langsung tidak benar. Mengemukakan syarat-syarat perniagaan kami kepada agen baru atau peruncit baru memang adalah amalan syarikat kami.

S: Berdasarkan jawapan kamu tadi boleh kamu tunjukkan dalam ikatan-ikatan yang terdapat di dalam mahkamah syarat-syarat perniagaan tersebut?

J: Boleh. Di ms 327, 328, 329, 330 lampiran 76 dan juga terdapat di semua invois yang dikeluarkan oleh syarikat kami.

S: Adakah kamu mempunyai bukti penyerahan syarat-syarat tersebut dalam lampiran 76?

J: Salah satu daripada bukti ialah di ms 333 di mana dalam surat tersebut saya menyatakan bahawa satu perundingan telah pun berlangsung di antara wakil-wakil syarikat kami dan wakil syarikat plaintif. Dalam surat tersebut saya dengan jelasnya merujuk semula kepada syarat-syarat perniagaan syarikat kami yang mana kami telah terlebih dahulu memberitahu plaintif dan plaintif telah pun bersetuju kepada syarat-syarat tersebut tetapi setelah barangan syarikat kami dihantar serah kepada plaintif, plaintif tidak menepati syarat-syarat yang memang telah dipersetujui oleh plaintif.

S: Saya merujuk kepada jawapan kamu kepada soalan 23 DW1A yang mana kamu telah merujuk kepada dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76. Kamu bersetuju bahawa ini adalah dokumen defendan?

J: Memang betul. Ini adalah dokumen kami dan dokumen ini telah pun diserahkan kepada wakil plaintif dan wakil plaintif ketika itu telah pun bersetuju kepada kesemua syarat-syarat yang dituliskan di dokumen-dokumen tersebut.

S: Adakah kamu mempunyai bukti penyerahan dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 atau dengan kata lain dengan cara apa kamu menyerah dokumen ini kepada plaintif?

J: Dokumen ini diserah dengan tangan kepada plaintif dan setahu saya dokumen yang di ms 327 dan 328 kemudian difaks kepada kami. Manakala dokumen ms 329 dan 330 tidak diisi oleh plaintif dan tidak diserah balik kepada syarikat kami.

S: Saya katakan dan berdasarkan arahan plaintif kepada saya bahawa borang ini di ms 327 dan 328 lampiran 76 adalah tidak diisi oleh pengarah-pengarah plaintif atau wakil plaintif akan tetapi ianya telah diisi oleh kamu sendiri memandangkan semua borang ini adalah milik kamu sendiri?

J: Setahu saya setelah desakan dari syarikat kami wakil plaintif kemudian memfakskan dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 kepada kami. Mereka berbuat demikian kerana wakil kami memberitahu mereka tanpa menerima dokumen-dokumen yang telah mereka bersetuju pihak syarikat kami tidak dapat lagi menghantar barangan-barangan yang telah dipesan oleh plaintif.

S: Saya katakan dokumen ini adalah palsu?

J: Tidak bersetuju. Dokumen-dokumen ini berwujud di syarikat kami sejak syarikat kami dimiliki oleh Pacific Dunlop LTAT dan FACB dan adalah menjadi amalan syarikat kami mengemukakan dokumen-dokumen ini kepada semua wakil jual ataupun peruncit yang ingin menjual barangan-barangan kami.

S: Saya merujuk dokumen di ms 302 lampiran 76 dan dibandingkan dengan dokumen di ms 327 lampiran yang sama. Saya katakan berdasarkan kedua-dua dokumen ini tidak ada orang atau pengarah yang bernama Tham Kok Seong di syarikat plaintif berdasarkan maklumat syarikat di ms 302?

J: Bersetuju. Ini adalah salah satu dari sebab kami tidak menerus dengan penghantaran barangan-barangan kami kepada plaintif kerana kami mengesyaki bahawa dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 yang dihantar kepada kami mungkin adalah dokumen yang palsu. Oleh itu wakil kami pergi berunding dengan wakil plaintif untuk menentukan bahawa plaintif akan menepati atau bersetuju dengan syarat-syarat perniagaan syarikat kami. Kami juga tahu bahawa plaintif ketika itu masih berhutang dengan syarikat kami menerusi Syarikat Kluang Double Deluxe yang juga dimiliki oleh pengarah pengarah Perabot Ekonomi.

S: Adakah kamu tahu bahawa plaintif telah membuat laporan polis terhadap kamu mengenai dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76?

J: Saya tidak tahu, Saya hanya tahu pagi ini apabila ditunjuk ID4.

S: Saya merujuk kepada jawapan.kamu kepada soalan 26 DW1A. Kamu sudah tahu bahawa Syarikat Kluang Double Deluxe Furniture Centre Sdn Bhd yang dahulunya syarikat plaintif masih berhutang dengan defendan bagi jumlah lebih kurang RM33,197. Jika begitu kenapa defendan masih mahu berurus niaga dengan plaintif?

J: Oleh kerana kami telah diberi jamin dari wakil plaintif bahawa hutang tersebut akan dijelaskan apabila kami bermula urus niaga dengan Perabot Ekonomi. Kami difahamkan Kluang Double Deluxe akan ditutup niaga setelah Perabot Ekonomi mula berniaga dengan majunya.

S: Saya rujuk jawapan kamu kepada soalan 27 DW1A yang mana kamu mengakui bahawa plaintif telah dimaklumkan tentang kelulusan had kredit. Sila maklumkan kepada mahkamah bila plaintif telah dimaklumkan tentang kelulusan tersebut dan jika ada apa bukti yang plaintif telah dimaklumkan sedemikian?

J: Bagi semua wakil jualan atau peruncit kami yang ingin berurus niaga dengan kami had kredit sebanyak RM5,000 akan diberi kepada mereka secara automatik. Amalan ini memanglah diketahui oleh semua vvakil-wakil jual atau pun peruncit baru kami oleh kerana wakil-wakil jual kami sudah memang memberitahu kepada mereka akan amalan ini dan had kredit RM5,000 ini akan dinaikkan seterusnya apabila kami menerima surat jaminan pengarah.

S: Saya merujuk jawapan kamu kepada soalan 31 DW1A. Bila kamu menghantar jaminan dalam bentuk dokumen di ms 329–330 lampiran 76 dan apa bukti penyerahan?

J: Dokumen tersebut dihantar bersama dengan dokumen permintaan kelulusan had kredit. Biasanya dokumen-dokumen ini serah kepada semua wakil jual atau peruncit yang ingin bermula urus niaga dengan kami.

S: Kamu juga menyatakan bahawa pengarah-pengarah plaintif enggan untuk menandatangani surat jaminan tersebut. Bagaimana kamu tahu?

J: Selepas kami hantar serah barangan-barangan kami ke plaintif hampir tiap-tiap hari wakil syarikat kami mendesak plaintif supaya menghantar balik dokumen jaminan pengarah yang diisi dan ditandatangani oleh pengarah

A plaintif tetapi pihak plaintif memberi pelbagai alasan dan enggan menghantar balik kepada kami dokumen yang pada mulanya mereka bersetuju untuk ditandatangani.

S: Bolehkah kamu maklumkan kepada mahkamah siapakah nama wakil defendan yang kamu maksudkan tadi?

B

J: Wakil defendan ialah Encik Chew Pek Lam dan juga saya sendiri.

S: Saya rujuk jawapan kamu kepada soalan 32 DW1A. Kamu telah menghantar surat di ms 333 lampiran 76 kepada plaintif selepas 12 April 1998 iaitu perasmian pembukaan premises plaintif. Kenapa ia tidak dihantar kepada

C plaintif sebelum upacara perasmian pembukaan premises plaintif?

J: Sebab sebelum ini plaintif telah bersetuju untuk menandatangani surat jaminan tersebut tetapi setelah barangan dihantar serah kepada plaintif, plaintif tidak menunai jaminan yang dibuat oleh plaintif sebelum itu.

D S: Saya katakan surat jaminan di ms 327 dan 328 tersebut tidak mempunyai kesan kerana tidak terdapat tandatangan plaintif?

J: Saya bersetuju.

S: Saya rujuk kepada dokumen di ms 333 lampiran 76 yang mana surat tersebut ditandatangani oleh kamu dan telah dihantar kepada plaintif. Saya katakan

E kamu tidak memberi peluang kepada plaintif sama ada setuju atau tidak setuju menerima cadangan penyelesaian dalam surat tersebut?

J: Tidak bersetuju. Tujuan surat ini ialah mengemukakan cadangan-cadangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh plaintif dan defendan. Malangnya pihak plaintif langsung tidak mahu menerima cadangan-cadangan

F kami dan plaintif juga tidak mengemukakan apa-apa cadangan yang boleh menyelesaikan masalah-masalah ini.

S: Saya rujuk jawapan kamu kepada soalan 35 DW1A yang mana kamu menyatakan di situ bahawa defendan tidak pernah melantik plaintif sebagai

G agen tunggal. Sila rujuk lampiran 76 di ms 405. Saya katakan bahawa kamu tidak bercakap benar kerana kamu pernah melantik Kluang Double Deluxe sebagai agen tunggal? Dalam pemeriksaan semula DW1 disoal seperti berikut:

J: Surat yang tersebut dikemukakan kepada Kluang Double Deluxe atas permintaan mereka. Saya difahamkan ketika itu Kluang Double Deluxe

H memerlukan surat sedemikian kerana mereka ingin meminta pinjaman daripada bank.

S: Bersetuju ini adalah dokumen kamu?

J: Memang.

I Dalam pemeriksaan semula DW1 disoal seperti berikut:

S: Semasa pemeriksaan balas peguamcara plaintif telah mencadangkan kepada awak bahawa defendan telah melantik plaintif sebagai agennya. Jawapan awak adalah defendan tidak pernah melantik plaintif sebagai agen. Plaintif

semata-mata wakil jual defendan. Soalan saya adalah dengan merujuk kepada ms 4–11 lampiran 74. Adakah plaintif membuat sebarang rujukan atau pernyataan dalam lampiran 74 tersebut bahawa plaintif telah dilantik sebagai agen oleh defendan? A

J: Tidak. Dalam lampiran 74 plaintif menyatakan bahawa beliau telah dilantik oleh defendan sebagai agen tunggal. Dakwaan tersebut terdapat di ms 5 perenggan 4 dan 5, ms 6 perenggan 6, ms 9 perenggan 7 dan 8. B

S: Awak telah menyatakan semasa soalan balas bahawa plaintif adalah semata-mata wakil jual defendan. Soalan saya sila jelaskan apakah peranan wakil-wakil jual tersebut termasuk plaintif?

J: Wakil-wakil jual termasuk plaintif yang dilantik oleh defendan berperanan sebagai agen jualan bagi barangan defendan. C

S: Peguamcara plaintif telah mencadangkan kepada kamu bahawa 12 April 1998 tidak diadakan pameran seperti yang kamu nyatakan tetapi adalah pembukaan rasmi premis plaintif. Dan jawapan awak adalah 'Jawapan yang tepat dalam Bahasa Inggeris ialah 'opening sales atau pun jualan pembukaan' di mana barangan kami telah dipamerkan di kedai plaintif'. Soalan saya adakah terdapat apa-apa dokumen dalam lampiran 76 yang merujuk atau mengambarkan 'opening sales atau jualan pembukaan' seperti yang dinyatakan oleh awak? D

J: Memang ada. Bukti-bukti tersebut terdapat di lampiran 76 ms 374, 375, 376, 377, 378, 379 dan 380. E

DW1 juga disoal seperti berikut:

S: Peguamcara plaintif telah bercadang kepada kamu bahawa lawatan defendan sebanyak 2 atau 3 kali dan perbincangan sebenarnya adalah bertujuan untuk membincang plaintif sebagai 'agen atau agen tunggal' dan juga untuk menempah papan-papan tanda, sepanduk-sepanduk, banners, leaflets dan syarat-syarat mengenai had kredit dan jaminan pengarah adalah rekaan defendan semata-mata yang tidak pernah timbul selama ini. Awak tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Soalan saya adakah kamu ingin memberi penjelasan lanjut mengenai perkara ini? F G

J: Dalam lawatan saya ke premis plaintif saya telah berbincang dengan wakil plaintif. Perkara-perkara yang kami bincang adalah seperti berikut: bahawa plaintif hendak mengisikan dan mengemukakan borang permohonan tahap kredit kepada defendan dan defendan berhak menetapkan tahap kredit berhubung dengan barangan yang dipesan oleh plaintif. Defendan berhak menetapkan sebarang syarat lain berhubung dengan pembekalan barangan kepada plaintif. Plaintif juga difahamkan bahawa plaintif dikehendaki menandatangani surat jaminan dari pengarah-pengarah plaintif. H

S: Siapakah wakil plaintif yang dimaksudkan oleh awak? I

J: Wakil-wakil plaintif ialah Tham Kok Weng dan Tham Kok Leong.

S: Semasa pemeriksaan balas peguamcara plaintif mencadangkan kepada kami bahawa memang tidak pernah defendan menyerahkan syarat-syarat tersebut kepada plaintif. Jawapan awak adalah 'itu langsung tidak benar. Defendan

mengemukakan syarat-syarat perniagaan kami kepada peruncit-peruncit baru atau agen baru dan ini memang adalah amalan syarikat kami'. Soalan saya bagaimana kamu atau defendan sampaikan syarat-syarat perniagaan tersebut kepada plaintif?

J: Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan syarat-syarat tersebut telah diserahkan kepada wakil plaintif dengan tangan dan pengurus kami Encik Chew Pek Lam menyerahkan dokumen-dokumen tersebut atas arahan saya.

S: Peguamcara plaintif telah merujuk awak kepada ms 327 dan 328 lampiran 76 dan katakan bahawa dokumen tersebut adalah palsu. Awak tidak bersetuju. Awak juga terangkan bahawa dokumen-dokumen ini berwujud di syarikat kami sejak syarikat kami dimiliki oleh Pacific Dunlop dan adalah menjadi amalan syarikat kami mengemukakan dokumen-dokumen ini kepada semua wakil jual ataupun peruncit yang ingin menjual barangan kami. Sila jelaskan apa yang dimaksudkan oleh kamu berhubung dengan dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76?

J: Dokumen di ms 327 dan 328 merupakan Credit Application Form yang mana semua wakil jual-wakil jual baru dikehendaki mengisikan dan juga menandatanganinya. Dokumen tersebut telah pun diisikan oleh plaintif dan difakskan kepada kami selepas desakan beberapa hari dari pihak kami. Di sini saya mempunyai dokumen asal yang telah difakskan kepada kami pada 2 April 1998.

S: Sila lihat ID4 dan baca sendiri. Soalan saya adakah kamu bersetuju dengan kandungan ID4?

J: Setahu saya dokumen yang disebutkan di ID4 yang berkaitan kemudahan kredit telah pun diisikan oleh Tham Kok Weng dan kemudian difakskan ke syarikat kami pada 2 April 1998.

S: Adakah kamu pada bila-bila masa dihubungi oleh pihak polis untuk memberi bantuan dalam apa-apa jua siasatan berhubung dokumen di dalam ID4 tersebut?

J: Saya tidak pernah dihubungi oleh polis berkaitan dengan ID4 dan saya sanggup memberi sebarang bantuan dengan penuh sekiranya saya dihubungi oleh pihak polis berkaitan dengan ID4.

S: Semasa pemeriksaan balas awak ditanya bilakah kamu menghantar jaminan dalam bentuk dokumen di ms 329 dan 330 lampiran 76 dan apa bukti penyerahan kamu. Dan jawapan awak di antara lain adalah dokumen-dokumen tersebut dihantar bersama dengan dokumen permintaan kelulusan had kredit. Soalan saya siapakah yang telah menghantar dokumen-dokumen tersebut bagi pihak defendan kepada plaintif?

J: Pengurus jualan jajahan kami Encik Chew Pek Lam menghantarkan dokumen-dokumen tersebut dengan sendirinya kepada plaintif atas arahan saya pada pesekitaran bulan Februari/Mac.

S: Semasa keterangan soalan balas awak telah menyatakan selepas kami hantar serah barang-barang kami kepada plaintif hampir tiap-tiap hari wakil syarikat mendesak plaintif supaya hantar balik dokumen jaminan pengarah-pengarah

yang diisikan dan ditandatangani oleh pengarah plaintif tetapi pihak plaintif memberi pelbagai alasan dan enggan menghantar balik kepada kami dokumen yang pada mulanya yang mereka bersetuju. Soalan saya siapakah wakil defendan yang dikatakan hampir hari-hari mendesak plaintif?

J: Wakil defendan ialah pengurus kami Encik Chew Pek Lam.

S: Siapakah wakil plaintif yang awak maksudkan itu?

J: Wakil plaintif ialah Encik Tham Kok Weng dan Encik Tham Kok Leong.

S: Awak telah ditunjukkan surat jaminan di ms 329 dan 330 lampiran 76 dan peguamcara plaintif telah katakan bahawa surat jaminan tersebut tidak mempunyai kesan kerana ianya tidak ditandatangani. Awak telah bersetuju degan cadangan tersebut. Boleh awak jelaskan mengapa surat jaminan tersebut tidak ditandatangani oleh plaintif?

J: Surat jaminan tersebut diberi kepada plaintif dan syarat-syarat disurat jaminan tersebut juga diterangkan kepada plaintif iaitu Encik Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng telah bersetuju dengan syarat-syaratnya dan membuat jaminan bahawa mereka akan menandatanganinya tetapi selepas barangan kami dihantar serah kepada plaintif mereka memberi pelbagai alasan dan tidak menandatangani surat jaminan tersebut. Walaupun pihak kami mendesak mereka hampir setiap hari supaya menandatangani surat jaminan itu dan kembalikannya kepada kami.

S: Peguamcara plaintif telah merujuk awak kepada jawapan awak kepada soalan 35 DW1A di mana kamu menyatakan bahawa defendan tidak pernah melantik plaintif sebagai agen tunggal. Peguamcara plaintiff telah merujuk awak kepada ms 405 lampiran 76 dan katakan 'kamu tidak bercakap benar kerana kamu pernah melantik Kluang Double Deluxe sebagai agen tunggal'. Awak telah menjelaskan keadaan dalam masa surat di ms 405 ditulis. Soalan saya dengan merujuk kepada ms 405 tersebut adakah kamu pernah melantik Kluang Double Deluxe sebagai agen tunggal?

J: Tidak pernah. Surat yang ditulis itu adalah di atas permintaan Kluang Double Deluxe. Saya difahamkan bahawa ketika itu Kluang Double Deluxe menghadapi masalah kewangan. Pengarah-pengarah Kluang Double Deluxe telah membuat permohonan kemudahan banking. Kami diberitahu oleh Kluang Double Deluxe Encik Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng jika mereka dapat kemudahan banking mereka akan dapat jelaskan hutang mereka kepada syarikat kami dan surat ini untuk memudahkan permohonan mereka mendapat kemudahan banking.

S: Kamu telah dirujuk kepada dokumen di lampiran 76 Bahagian C di ms 405 dan kamu ditanya kamu bersetuju ini adalah dokumen kamu dan kamu jawap memang. Soalan saya adakah kamu bersetuju dengan kandungan dokumen tersebut dan jika tidak mengapa?

J: Surat tersebut ditulis semata-mata atas permintaan Kluang Double Deluxe agar mereka dapat membuat permohonan mendapatkan kemudahan banking. Lagipun Kluang Double Deluxe masih berhutang dengan syarikat kami. Dan surat ini ditulis secara umum tanpa disebut apakah syarat-syarat appointment of sole agent kerana syarikat kami tidak mengamal pelantikan sole agent.

Dalam soalan balas tambahan DW1 berkata D8 telah difakskan kepada mereka oleh Tham Kok Weng. Dokumen asal telahpun diserahkan kepada Tham Kok Weng. Penyerahan itu dibuat oleh pengurus jualan defendan Chew Pek Lam.

DW1 juga disoal balas tambahan seperti berikut:

S: Jika begitu bagaimana No. kad pengenalan Tham Kok Weng boleh silap dan macam mana boleh ada nama Tham Kok Seong di situ sebagai pengarah sedangkan menurut carian syarikat di ms 302 lampiran 76 tiada terdapat nama Tham Kok Seong sebagai pengarah plaintif?

J: D8 ini difaks kepada kami pada 2 April 1998. Carian syarikat dibuat oleh kami pada 26 Jun 1998. Ini terbukti semasa kami menerima dokumen dari plaintif. Kami tidak tahu dengan sepenuhnya bukti-bukti mengenai pengarah-pengarah plaintif.

S: Kamu kata tadi bahawa plaintif sendiri yang fakskan D8, Saya katakan bahawa plaintif tidak fakskan D8 kerana pada dokumen ini tidak tercatit nama plaintif sebagai pengirim, waktu dan nombor talipon, bersetuju atau tidak?

J: Tidak bersetuju.

S: Saya katakan bahawa D8 bukan daripada plaintif malah daripada satu nama Kho Khang Trading Company?

J: Setahu kami dokumen ini difakskan kepada kami setelah pengurus jualan kami menalipon plaintif dan memberitahu mereka tanpa dokumen D8 barangan-barangan dari syarikat kami tidak boleh dihantar serah kepada mereka.

S: Boleh kamu tunjukkan kepada mahkamah sebarang contoh dokumen yang lain di lampiran 72 yang menunjukkan plaintif pernah fakskan dokumen kepada defendan?

J: D8 merupakan dokumen yang pertama sekali difakskan kepada kami.

Dalam pemeriksaan semula DW1 telah disoal seperti berikut:

S: Boleh anda jelaskan kepada mahkamah apakah yang mendahului hantaran D8 melalui faks kepada defendan?

J: Sebelum D8 difakskan kepada kami, kami telah pun berada beberapa perbincangan dengan Tham Kok Weng dan Tam Kok Leong. Di antara perbincangan kami adalah berkaitan dengan syarat-syarat perniagaan kami. Di antara syarat-syarat tersebut ialah plaintif dikehendaki mengisi borang permohonan kredit ataupun D8 dan juga mengisi surat jaminan pengarah dan syarat-syarat tersebut telahpun dipersetujui oleh pihak plaintif.

S: Adakah defendan mendesak plaintif untuk menghantar kembali borang asal D8 yang diisi?

J: Memang ada.

S: Tadi rakan bijaksana saya telah mencadangkan bahawa D8 tidak difaks oleh plaintif kepada defendan kerana tidak tercatit nama plaintif sebagai pengirim dan terdapat nama Kho Khang Trading Company di atas D8. Awak tidak bersetuju

dengan cadangan tersebut. Soalan saya adakah defendan mengetahui daripada manakah D8 tersebut dihantar melalui faks kepada defendan? A

J: Tidak tahu.

S: Tadi apabila disoal balas dicadangkan bahawa D8 bukan daripada plaintif malah daripada satu nama Kho Khang Trading Company. Awak menjawab setahu kami D8 difakskan setelah pengurus jualan kami menalipon plaintif dan memberitahu mereka tanpa D8 barangan syarikat defendan tidak akan dihantar serah kepada mereka. Soalan saya atas arahan siapakah pengurus jualan tersebut memaklumkan syarat sedemikian kepada plaintif? B

J: Ini adalah prosedur syarikat kami dan arahan tersebut adalah dari saya. C

Chew Pek Lam (SD2) dalam pemeriksaan utamanya telah berkata beliau adalah pengurus jualan kawasan di syarikat defendan. Pada sekitaran tahun 1997 Encik Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng ada beritahu beliau bahawa mereka ingin membuka suatu ruang pameran. Mereka ingin buka ruang pameran pada tahun 1998. Seterusnya Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng mengadakan beberapa siri perbincangan dengan beliau. D

Perbincangan asas dengan Tham Kok Leong dikendalikan oleh Encik Gan Lee Beng iaitu CEO defendan. Sementara perbincangan susulan dengan Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng dikendalikan oleh beliau. Tujuan dan skop perbincangan tersebut adalah mengenai syarat-syarat perniagaan defendan seperti tahap kredit, jaminan pengarah serta syarat-syarat yang lain. E

SD2 juga disoal seperti berikut:

S: Seterusnya adakah defendan menetapkan sebarang syarat-syarat perniagaan terhadap perniagaan yang dicadangkan oleh Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng tersebut? F

J: Ya. Ada beberapa syarat telah ditetapkan oleh defendan.

S: Sila beritahu mahkamah apa syarat-syarat tersebut?

J: Syarat pertama adalah bahawa plaintif hendak mengisikan dan mengemukakan borang permohonan untuk tahap kredit mereka kepada defendan. Syarat kedua adalah bahawa defendan akan menetapkan tahap kredit berhubung dengan barangan yang dipesan oleh plaintif. Syarat ketiga ialah bahawa plaintif boleh memesan barangan mengikut tahap kredit yang ditetapkan oleh defendan. G

S: Seterusnya ada apa-apa syarat lagi? H

J: Syarat keempat ialah bahawa plaintif hendak mengemukakan jaminan pengarah berhubung dengan barangan yang dihantar serah kepada mereka secara kredit atau pada dasar consignment.

S: Adakah apa-apa syarat mengenai tempoh kredit? I

J: Defendan akan memberi tempoh kredit kepada plaintif selama 60 hari.

S: Berhubung dengan apa?

J: Berhubung dengan barangan yang telah dihantar serah kepada plaintif.

S: Ada apa-apa syarat berkenaan kadar faedah?

J: Seterusnya plaintif hendaklah membayar faedah pada kadar 1.5% sebulan ke atas jumlah yang tertunggak berhubung dengan barangan yang dihantar serah kepada mereka.

S: Ada apa-apa syarat lain?

J: Ada. Syarat yang terakhir defendan berhak untuk menetapkan sebarang syarat lain berhubung dengan pembekalan barangan kepada plaintif.

S: Adakah Tham Kok Weng dan Tham Kok Leong bersetuju dengan syarat-syarat yang dirujuk oleh awak tadi?

J: Ada.

S: Semasa siri perbincangan tersebut dengan Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng adakah awak mengemukakan sebarang dokumen berhubung dengan syarat-syarat perniagaan defendan kepada mereka?

J: Ya. Saya telah memberikan borang had kredit dan surat jaminan pengarah kepada mereka.

S: Sila lihat lampiran 76 dan beritahu mahkamah sama ada borang had kredit dan surat jaminan pengarah tersebut ada terkandung dalamnya?

J : Ya, benar.

S: Di mana?

J: Di ms 327 hingga 330.

S: Adakah Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng memberitahu apakah perniagaan baru mereka?

J: Ya. Mereka menjalankan nama perniagaan baru mereka adalah Perabot Ekonomi (M) Sdn Bhd.

S: Apa berlaku seterusnya?

J: Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng mendesak saya agar defendan membekalkan barangan untuk tujuan membuat pameran semasa pembukaan perniagaan plaintif.

S: Apakah yang awak lakukan dalam keadaan tersebut?

J: Saya meminta mereka supaya kemukakan borang permohonan had kredit dan surat jaminan pengarah kepada defendan terlebih dahulu.

S: Adakah Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng membekalkan borang permohonan had kredit dan surat jaminan pengarah kepada defendan?

J: Tidak.

S: Apakah awak lakukan dalam keadaan tersebut?

J: Saya masih meminta agar mereka kemukakan borang permohonan had kredit dan surat jaminan pengarah kepada defendan.

S: Apakah yang berlaku seterusnya? A

J: Apabila saya terus meminta agar mereka kemukakan borang permohonan had kredit dan surat jaminan pengarah Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng memberi pelbagai alasan bahawa surat jaminan pengarah masih belum ditandatangani oleh salah seorang pengarah dan mereka juga menyatakan bahawa plaintif akan kemukakan borang permohonan had kredit dahulu. B

S: Tadi soalan terakhir saya adalah apa yang berlaku seterusnya dan jawapan anda adalah 'apabila saya terus meminta agar mereka kemukakan borang permohonan had kredit dan surat jaminan pengarah Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng memberi pelbagai alasan bahawa surat jaminan pengarah masih belum ditandatangani oleh salah seorang pengarah plaintif dan mereka menyatakan bahawa plaintif akan mengemukakan permohonan had kredit dahulu'. Sila lihat lampiran 76 adakah plaintif mengemukakan borang permohonan had kredit kepada defendan? C

J: Ya, plaintif ada fakskan salinan borang permohonan had kredit kepada saya pada 2 April 1998. D

S: Adakah salinan faks tersebut telah difakskan terdapat dalam lampiran 76?

J: Ada di lampiran 76 ms 327 dan 328.

S: Sila lihat P8. Adakah ini asal dokumen di ms 327 dan 328 lampiran 76 yang telah difakskan kepada awak? E

J: Ya, benar.

S: Apa berlaku seterusnya?

J: Berdasarkan desakan dan keyakinan yang diberikan oleh Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng bahawa mereka akan mengemukakan surat jaminan pengarah maka defendan pun menghantar serahkan 3 penghantaran barangan pada 3 April 1998, 6 April 1998 dan 10 April 1998. F

S: Tham Kok Weng menyatakan bahawa jaminan telah disyaratkan oleh defendan kepada plaintif hanya selepas semua papan tanda dan panel dipamerkan di persekitaran daerah Kluang dan selepas pembukaan rasmi kedai dan juga barangan telah pun dihantar oleh defendan ke kedai plaintif iaitu pada tarikh selepas 12 April 1998. Sila jelaskan? G

J: Ini adalah tidak benar. H

S: Encik Tham Kok Leong menyatakan bahawa awak telah melantik plaintif sebagai agen atau agen tnnggal defendan bagi barangan defendan di daerah Kluang. Sila jelaskan?

J: Ini juga adalah tidak benar kerana saya tidak pernah berbincang atau melantik plaintif sebagai agen atau agen tunggal. I

S: Semasa awak beri keterangan pada sebelah pagi tadi awak memiliki suatu dokumen. Bolehkah awak beritahu apakah dokumen itu?

J: Dokumen yang saya rujuk pagi ini adalah pernyataan saksi saya.

S: Dalam bahasa apa pernyataan saksi itu?

J: Dalam Bahasa Malaysia.

S: Adakah kamu telah mengikrarkan pernyataan saksi tersebut?

J: Ada.

S: Boleh awak kemukakan pernyataan saksi awak yang awak rujuk pagi tadi kepada mahkamah?

J: Boleh.

S: Sila lihat P9 mengapakah awak tidak mengemukakan P9 sebagai keterangan?

J: Walaupun saya faham Bahasa Malaysia tetapi saya lebih selesa memberi keterangan di mahkamah dalam Bahasa Mandarin.

S: Bilakah P9 itu disediakan?

J: Penyata saksi saya ini disediakan pada 17 Ogos 2006.

S: Bila awak buat keputusan untuk memberi keterangan dalam Bahasa Mandarin?

J: Sebelum selepas pernyataan saksi ini disediakan. Saya telah membuat keputusan memberi keterangan saya dalam Bahasa Mandarin.

SD2 telah disoal balas seperti berikut:

S: Pagi tadi kamu ada P9 dan bila peguam awak menyoal kamu, adakah kamu rujuk kepada P9 sebelum menjawab?

J: Saya ada rujuk.

S: Kenapa sebelum merujuk kepada P9 kamu tidak dapat kebenaran mahkamah untuk merujuk P9 sebelum menjawap?

J: Kerana ini adalah pernyataan saksi saya dan bukan orang lain. Dan saya juga tidak tahu bahawa saya perlu meminta kebenaran dari mahkamah terlebih dahulu.

S: Apa tujuan kamu bawa P9 hari ini dan pada masa beri keterangan secara lisan, sila jelaskan?

J: Supaya saya boleh ingat.

S: Saya katakan kamu datang ke syarikat plaintif lebih kurang bulan Januari 1998 dan bulan Februari 1998 untuk melantik plaintif sebagai agen atau agen tunggal defendan?

J: Saya tidak bersetuju. Sebelum Januari 1998 dan Februari 1998 syarikat kami telahpun ada urus niaga dengan pelanggan-pelanggan yang lain di kawasan Kluang misalan Asa Furniture, Hui Brothers Furniture, Sunrise Furniture, Poh Tak Furniture. Itu sahaja.

S: Saya katakan bahawa setiap kali kamu datang ke syarikat plaintif kamu tidak pernah memaklumkan kepada Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng, pengarah-pengarah plaintif tentang syarat-syarat perniagaan?

J: Saya tidak bersetuju. Saya memaklumkan syarat-syarat perniagaan kepada Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng.

S: Saya katakan bukan syarat-syarat perniagaan dibincangkan tetapi tentang perlantikan plaintif sebagai agen atau agen tunggal?

J: Saya tidak bersetuju kerana saya tidak pernah berbincang tentang perlantikan agen atau agen tunggal.

S: Saya rujuk ms 294 dan 295 lampiran 76 Kamu bersetuju signboard, banner dan Iain-lain dalam kedua-dua invois tersebut dibayar oleh defendan?

J: Saya bersetuju.

S: Saya katakan kamu mengikut wakil dari syarikat plaintif, Tham Kok Leong ke kedai Art Sky Advertising untuk memesan barang-barang tersebut?

J: Saya bersetuju Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng membawa saya ke kedai Art Sky Advertising.

S: Saya katakan perlakuan kamu dengan bersama-sama mengikut Tham Kok Leong wakil plaintif memesan barang-barang daripada Art Sky Advertising menunjukkan bahawa defendan memang melantik plaintif sebagai agen atau agen tunggal syarikat defendan?

J: Saya tidak bersetuju kerana saya cuma temankan Tham Kok Leong dan Tham Kok Weng pergi ke Art Sky Advertising.

S: Saya katakan kamu tidak berkata benar, sebenarnya kamu melantik plaintif sebagai agen atau agen tunggal defendan?

J: Saya tidak bersetuju.

